e-Dinamik

MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

eISSN: 2682-7832



EDISI KETUJUH 2025

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

PERUTUSAN REKTOR

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam UiTM Dihatiku.



Segala puji bagi Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Majalah Digital Akademia UiTM Cawangan Johor, e-DINAMIK Edisi 2025 dapat diterbitkan dengan jayanya. Syabas dan tahniah diucapkan kepada seluruh sidang editorial atas komitmen, ketekunan, dan dedikasi dalam memastikan penerbitan ini terus menjadi wadah intelektual yang bermakna.

Penerbitan e-DINAMIK bukan sahaja berfungsi sebagai medium dokumentasi hasil penulisan ilmiah, kreatif dan penyelidikan, malah menjadi platform penting bagi warga akademia untuk menyalurkan idea, pandangan, dan dapatan kajian dalam pelbagai bidang. Edisi kali ini tampil lebih segar dengan isu-isu semasa yang menyentuh pelbagai aspek global yang kian kompleks.

Saya percaya usaha ini mampu memperkukuh budaya penulisan akademik dalam kalangan pensyarah serta menyemarakkan amalan perkongsian ilmu merentasi sempadan disiplin. Melalui inisiatif ini juga, diharapkan lebih ramai pensyarah dan penyelidik dapat melangkah ke tahap yang lebih tinggi dalam menghasilkan penerbitan berimpak serta berindeks antarabangsa.

Sekalung penghargaan ditujukan kepada Timbalan Rektor (Penyelidikan dan Jaringan Industri) bersama pasukan editorial yang sentiasa konsisten memastikan kesinambungan penerbitan e-DINAMIK dari tahun ke tahun. Semoga majalah ini terus menjadi sumber inspirasi, rujukan dan motivasi kepada seluruh warga UiTM serta pembaca di luar sana.

Akhir kata, saya berharap e-DINAMIK 2025 ini akan terus menjadi medan ilmu yang dinanti-nantikan setiap tahun. Semoga segala usaha ini diberkati dan memberi manfaat buat semua.
Sekian, terima kasih.

PROFESOR MADYA DR. SAUNAH ZAINON
Menjalankan Fungsi Rektor
UiTM Cawangan Johor

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

PERUTUSAN TIMBALAN REKTOR BPJIA

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera,



Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan rahmat-Nya, penerbitan Majalah Digital Akademia UiTM Cawangan Johor, e-DINAMIK Edisi 2025 dapat direalisasikan.

Saya ingin merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada Yang Berusaha Prof. Madya Dr. Saunah Zainon, Rektor UiTM Cawangan Johor, atas sokongan dan dorongan yang berterusan dalam memperkasakan budaya penulisan serta penerbitan akademik di UiTM Cawangan Johor. Sesungguhnya, e-DINAMIK telah menjadi wahana penting untuk menyalurkan idea, mengasah bakat serta mendokumentasikan pelbagai bentuk penulisan merangkumi karya, kreatif, laporan aktiviti dan isu semasa yang berkaitan dengan warga akademia.

Lebih daripada sekadar sebuah majalah digital, e-DINAMIK merupakan cerminan kecemerlangan akademik UiTM Cawangan Johor, selain membuka ruang yang lebih luas untuk mengetengahkan pencapaian, keterlibatan komuniti, serta perkembangan fakulti dan jabatan di Kampus Segamat dan Kampus Pasir Gudang. Saya percaya usaha ini juga dapat meningkatkan visibiliti universiti di persada negara mahupun antarabangsa.

Penerbitan ini tidak akan berjaya tanpa komitmen padu sidang editorial serta sumbangan para penulis yang dengan ikhlas berkongsi masa, tenaga, dan ilmu demi menjayakan hasrat murni ini. Saya amat berharap inisiatif sebegini dapat menyemarakkan lagi minat warga akademia untuk terus berkarya serta menghasilkan penulisan bermutu tinggi yang memberi manfaat kepada masyarakat.

Akhir kata, sekalung tahniah dan syabas kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan e-DINAMIK Edisi 2025. Semoga usaha ini berterusan dan menjadi sumber inspirasi kepada semua pembaca.
Sekian, terima kasih.

DR. FARIDAH NAJUNA MISMAN
Timbalan Rektor (Penyelidikan & Jaringan Industri)
UiTM Cawangan Johor

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

SIDANG REDAKSI

PENAUNG
Profesor Madya Dr. Saunah Zainon

PENASIHAT
Dr. Faridah Najuna Misman

PENYELARAS
Dr. Nur Fatihah Shaari
Dr. Noor Hidayah Ab Aziz

KETUA EDITOR
Aidarohani Samsudin

PENOLONG KETUA EDITOR
Dr. Fatin Farazh Ya'acob

EDITOR AKADEMI PENGAJIAN BAHASA
Zuraidah Sumery
Farhana Idris
Siti Aishah Taib

EDITOR AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI
Munirah Zakaria
Mohamad Zaki Razaly
Dr. Muhammad Fahmi Md Ramzan

SIDANG REDAKSI

EDITOR JABATAN UNDANG-UNDANG

Norintan Wahab
Zuramaznum Sainan

EDITOR FAKULTI PENGURUSAN DAN PERNIAGAAN

Ainol Mardhiyah Rahmat
Che' Khalilah Mahmood
Dr. Nur Fatihah Shaari
Dr. Suhana Mohamed
Ferri Nasrul
Mohamad Azwan Md Isa
Muharratul Sharifah Shaik Alaudeen
Norfariza Mohd Ali
Rosmah Abd Ghani @ Ismail
Ruziah A. Latif
Siti Noorhaslina Abd Halim
Siti Nordiyana binti Ishak
Zaibedah Zaharum

EDITOR FAKULTI PERAKAUNAN

Ahmad Marzuki Amiruddin Othman
Juyati Mohd Amin
Nuruu Ain Fauzi
Nursia Yuhanis

EDITOR FAKULTI SAINS GUNAAN

Dr. Saiful Najmee Mohamad

SIDANG REDAKSI

EDITOR FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

Azura Abdul Jamil @ Kamarudzzaman
Rohayu Ahmad
Siti Hasma Hajar Mat Zin

EDITOR FAKULTI SAINS KOMPUTER DAN MATEMATIK

Haslenda Yusop
Dr. Nur Syamilah Arifin
Dr. Wan Munirah Wan Mohamad
Noraisyah Abdl Aziz

EDITOR FAKULTI KEJURUTERAAN

Azyan Zafyrah Mohd Zahid
Dr. Wan Nur Fazlina Abdol Jani
Noorashiekin Khalid
Mazni Mat Zin
Nurrul Amilin binti Zainal Abidin
Nurulnatisya binti Ahmad
Ts. Dr. Siti Aminah Nordin
Ts. Muhammad Imran Ismail

REKABENTUK DAN GRAFIK

Shahrul Amir Bin Shaheran
Mohamad Hanif Bin Awaludin

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

SINERGI AKADEMIK & KEPIMPINAN MAHASISWA ChESS UiTMCJKPG 2024/2025

Nurul Hazwani Hanib, Dr. Arbanah Muhammad

Chemical Engineering Students' Society (ChESS), UiTM Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang (UiTMCJKPG) terus memperkukuh peranan sebagai wadah pembangunan holistik mahasiswa dengan menganjurkan pelbagai program yang merangkumi aspek akademik, kepimpinan dan khidmat masyarakat. Setiap inisiatif yang dilaksanakan sepanjang sesi 2024/2025 dirangka bagi memastikan pelajar tidak hanya cemerlang dalam bilik kuliah, malah berdaya saing dalam kepimpinan, celik digital, serta mempunyai empati sosial.

Salah satu pencapaian penting ChESS ialah penyertaan dalam *National Chemical Engineering Symposium (NACES) 2024* anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia dengan tema *"*AI dalam Kejuruteraan Kimia*" pada November - Disember 2024*. FKK UiTMCJKPG telah menghantar sembilan pelajar untuk menyertai kategori atas talian seperti *Technical Infographics, Technical Video, Chemical Engineering Challenge,* dan *Technical Essays*. Hasil usaha gigih serta bimbingan pensyarah sebagai mentor, salah seorang peserta berjaya meraih tempat ketiga dalam *Technical Essays Competition*, sekaligus membuktikan kemampuan pelajar diploma UiTMCJKPG untuk bersaing dengan universiti ternama lain di Malaysia. Penyertaan ini bukan sahaja memberi pengalaman berharga, malah meningkatkan keterlihatan UiTMCJKPG di peringkat kebangsaan serta menyemarakkan semangat pelajar untuk terus menonjol dalam platform ilmiah.

Dalam aspek penghargaan akademik, Majlis Anugerah Dekan yang diadakan pada 10 Januari 2025 telah meraikan seramai 105 pelajar dari semester 1 hingga 4 yang memperoleh GPA 3.5 dan ke atas.

Majlis yang berlangsung di *Library Community Engangement* PTDI itu bukan sekadar memberi pengiktirafan pencapaian akademik, malah menyuntik motivasi kepada pelajar lain melalui ucapan inspirasi daripada Ketua Prasiswazah serta tayangan montaj pencapaian pelajar yang diraikan.

Bagi memperkukuh hubungan sesama pelajar, program *Team Building* telah dilaksanakan pada 24 Mei 2025 di Padang Serbaguna UiTM Pasir Gudang dengan penglibatan lebih 80 pelajar semester 2 dan 4. Aktiviti fizikal seperti tarik tali, sepakan penalti dan *relay* belon air bukan sahaja menyeronokkan, tetapi berperanan penting dalam menggalakkan komunikasi antara kelas serta memupuk semangat berdaya saing yang sihat.

Selain itu, usaha memperkasakan literasi akademik dan digital turut diperkukuh melalui *Projek Bangkit 2.0* serta *Bengkel Fundamentals of Software* yang berlangsung dari 13 Jun hingga 11 Julai 2025. Program mentor-mentee ini memberi pendedahan praktikal kepada pelajar dalam penggunaan asas aplikasi Microsoft Word dan Excel, di samping mengukuhkan kefahaman terhadap konsep akademik teras. Langkah ini berjaya memupuk budaya pembelajaran kendiri, meningkatkan keyakinan pelajar serta menyediakan mereka untuk cabaran akademik dan kerjaya.

Program ChESS sangat berkesan dalam membangunkan pelajar secara menyeluruh. Melalui aktiviti kepimpinan, akademik, dan khidmat masyarakat, program ini membantu pelajar mengasah kemahiran insaniah seperti komunikasi, penyelesaian masalah, kerja berpasukan, dan empati sosial. Selain itu, penglibatan pelajar dalam pengurusan program memberikan pendedahan praktikal kepada aspek organisasi, logistik, dan dokumentasi. Pengalaman ini bukan sahaja mematangkan pelajar tetapi juga mempersiapkan mereka untuk dunia pekerjaan. Seterusnya mampu melahirkan graduan yang bersedia menghadapi cabaran masa depan, sejajar dengan aspirasi pendidikan negara.